



SIARAN MEDIA

HARI MITI 2018, 26 FEBRUARI 2018 MERAIKAN KEJAYAAN SEKTOR PERKHIDMATAN SEBAGAI PEMACU EKONOMI NEGARA #MyServices4ward dan #mitiday

Persidangan Sektor Perkhidmatan Kebangsaan (*National Services Sector Summit 2018*) yang telah julung kali dianjurkan bersempena Hari MITI pada 26 Februari 2018 telah berjaya menarik penyertaan sekitar 8,000 pengunjung serta 60 pempamer yang terlibat dalam sektor perkhidmatan.

Penganjuran Persidangan tersebut adalah sejajar dengan kejayaan sektor perkhidmatan sebagai pemacu utama ekonomi negara. Sektor tersebut kini menyumbang sebanyak 54.4 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia dengan jumlah nilai jualan sebanyak RM1.5 trilion pada 2017. Sektor ini juga menyediakan 3.6 juta peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia yang kebanyakannya terdiri daripada pekerjaan berpendapatan tinggi dalam industri-industri seperti aeroangkasa, eDagang, ICT, penjagaan kesihatan, R&D dan perkhidmatan profesional.

Jumlah pelaburan yang telah direalisasikan dalam sektor perkhidmatan pada tahun 2016 adalah sebanyak RM188.5 bilion yang telah mewujudkan sebanyak 87,027 peluang pekerjaan baharu dalam sektor-sektor seperti perdagangan borong dan runcit, makanan, ICT, professional dan hartanah. Daripada jumlah pelaburan ini, sebanyak RM11.3 bilion adalah pelaburan langsung asing (FDI).

Antara pelaburan berimpak tinggi dalam sektor perkhidmatan di Malaysia yang telah berjaya direalisasikan oleh MITI dan agensi-agensinya seperti MIDA termasuk Pusat Pengedaran Serantau IKEA yang akan beroperasi pada awal 2020, Hab Prinsipal OSRAM, Pusat Pengedaran Komponen Serantau BMW, Gudang Pengedaran Global Broadcom dan Ibu Pejabat Serantau ASEAN Honeywell.

Sejumlah 73 multinasional global telah menubuhkan hab serantau mereka di Kuala Lumpur yang mana sejumlah RM4.56 billion pelaburan telah direalisasikan dan sebanyak 5,831 pekerjaan serantau bernilai tinggi telah diwujudkan. Antaranya nama-nama multinasional terkemuka global seperti Air Liquide yang menubuhkan Hab Inovasi Pintar mereka bagi rantau Asia, SC Johnson yang menubuhkan Hab Operasi Rantau Perbekalan Serantau bagi Asia-Pasifik, Oracle yang menubuhkan Hab Operasi Jualan Digital bagi Rantau Asia Pasifik dan juga China Engineering Railway Corporation yang menjadikan Kuala Lumpur sebagai Hab Serantau bagi ASEAN. Selain limpahan faedah (*spill-over effect*) melalui pekerjaan serantau yang diwujudkan, bandaraya Kuala Lumpur dan persekitarannya menikmati faedah dari segi peningkatan permintaan kepada ruang pejabat bergred tinggi dan juga guna pakai ekosistem perkhidmatan lain seperti hotel, perbankan dan peruncitan.

Manakala bagi tempoh Januari sehingga September 2017, jumlah pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkhidmatan adalah sebanyak RM69.2 bilion dengan 3,386 projek yang akan menjana hampir 58,000 peluang pekerjaan baharu. Daripada jumlah ini,



sebanyak RM13 bilion adalah FDI.

Pelaburan Langsung Malaysia di Luar Negeri (DIA) bagi tahun 2016 pula adalah sebanyak RM387.2 bilion. Di antara sektor-sektor yang terlibat adalah perdagangan borong dan runcit, aktiviti kewangan dan insurans/takaful serta maklumat dan komunikasi.

Syarikat-syarikat Malaysia yang telah menempa kejayaan dalam sektor perkhidmatan di dalam dan luar negara termasuk KPJ Healthcare, Muhibbah Engineering, IBM Client Innovation Centre, Sime Darby Global Services Centre, AirAsia, Movie Animation Park Studios (MAPS) dan ZICO Law. Kebanyakan daripada syarikat-syarikat tersebut telah turut serta menjayakan program Hari MITI 2018.

Jumlah dagangan sektor perkhidmatan Malaysia juga telah mencapai RM338.7 bilion pada tahun 2017. Daripada jumlah tersebut, eksport telah mencatat pertumbuhan sebanyak 7.8 peratus dengan nilai RM157.8 bilion berbanding tahun sebelumnya. Sektor yang telah mencatatkan eksport tertinggi adalah sektor pelancongan, perkhidmatan perniagaan lain dan telekomunikasi. Kebanyakan daripada eksport sektor perkhidmatan Malaysia adalah ke negara-negara seperti Singapura, Amerika Syarikat, Indonesia dan China.

Biarpun keupayaan eksport sektor ini semakin memberangsangkan, masih terdapat peluang yang luas untuk syarikat tempatan mengembangkan perniagaan mereka di peringkat antarabangsa. Fokus sektor perkhidmatan pada Hari MITI 2018 diharap dapat membuka minda pengusaha perkhidmatan tempatan untuk mempergunakan sebaik mungkin peluang-peluang pasaran yang telah diterokai oleh MITI dalam memperluas potensi eksport negara melalui pemeteraian perjanjian-perjanjian FTA dan Komuniti Ekonomi ASEAN.

Hari MITI 2018 merupakan yang ke-empat diadakan sejak ianya mula diperkenalkan pada bulan Oktober 2016 di Menara MITI. Pada tahun 2017, dua Hari MITI telah diadakan di luar kawasan, iaitu pada 6 Mei 2017 di Meru, Ipoh dan 19 November 2017 di Kota Bharu, Kelantan.

Salah satu aktiviti utama Hari MITI merupakan Pameran Kerjaya dan Sesi Temuduga Terbuka anjuran MIDA. Hasil daripada ketiga-tiga Hari MITI yang telah dianjurkan sejak 2016, sebanyak 16,851 pekerjaan telah ditawarkan di seluruh negara manakala 2,170 pekerjaan telahpun berjaya diisi setakat ini. Pada tahun ini, 30 syarikat multinasional dan syarikat tempatan telah menawarkan lebih 3,000 peluang pekerjaan, dimana 55% adalah di dalam sektor perkhidmatan (Sila rujuk lampiran untuk senarai syarikat dan jawatan yang ditawarkan) .



Program yang berkonsepkan hari terbuka dan mesra rakyat ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang peranan dan fungsi MITI serta agensi-agensi di bawahnya seperti MIDA, MATRADE, SME Corp, MIDF, SME Bank, MPC, MAI dan MSI dalam membangunkan ekonomi Malaysia terutamanya dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan.

Pegawai-pegawai MITI juga telah berinteraksi dan berkongsi maklumat dengan para pengunjung mengenai kerangka Dasar Industri 4.0 Kebangsaan yang kini sedang diperhalusi. Maklumat lanjut mengenai dasar tersebut boleh dicapai di http://grp.miti.gov.my/index.php/public_consultation/view/40. Dasar tersebut dijangka akan dilancarkan pada pertengahan tahun 2018.

**Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
26 Februari 2018**

Tentang MITI:

MITI adalah pemacu utama dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi pelaburan berkualiti dan meningkatkan status negara ini sebagai sebuah negara perdagangan yang kompetitif di peringkat global. Objektif dan peranannya adalah berorientasikan ke arah memastikan pembangunan ekonomi yang pesat di Malaysia dan membantu mencapai matlamat yang dinyatakan di negara ini untuk menjadi sebuah negara maju menjelang 2020.

Pertanyaan Media:

Unit Komunikasi Strategik
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Tel +603 6200 0082
Fax +603 6206 4293
E-mail allpegkomunikasikorporat@miti.gov.my